



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur*

*Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

---

( ) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 35  
12 Ogos 2009

Pengarang  
Utusan Malaysia

Tuan/Puan,

**Akhbar** : **Utusan Malaysia**  
**Tarikh** : **24 Julai 2009**  
**Muka surat** : **30**  
**Tajuk** : **Penduduk Paramount View mahu CF**

Saya ingin merujuk kepada artikel akhbar Utusan Malaysia bertajuk “**Penduduk Paramount View mahu CF**”, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada Utusan Malaysia kerana mengutarakan permasalahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli unit Pangsapuri Paramount View.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah turun padang untuk menyiasat masalah tersebut. Hasilnya, pemaju iaitu Sri Aman Development Sdn. Bhd. memaklumkan kepada JPN bahawa kelewatan serahan milikan kosong adalah disebabkan oleh beberapa perkara iaitu:

i. Isu jalan keluar-masuk

Jalan keluar-masuk tidak boleh dibina walaupun telah mendapat kelulusan awal dari pihak MBPJ. Pemaju telah diarah untuk menukar

lalu keluar-masuk di tempat yang lain. Walau bagaimanapun, pemaju telah menerima notis berhenti kerja dari MBPJ dan juga TNB kerana aktiviti berkenaan (pembinaan jalan) bukan sahaja berbahaya kepada aktiviti pemasangan oleh TNB, malah boleh mengancam nyawa orang awam.

- ii. Berlakunya tunjuk perasaan di tapak projek dan penduduk sekitar telah menghalang pembinaan projek.

Oleh hal yang demikian, JPN bersama-sama dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melakukan semakan terhadap sebab-sebab yang dikemukakan oleh pemaju dan mendapati kelewatan CF adalah disebabkan oleh :

- i. Isu jalan keluar-masuk
- ii. Pelan tindakan yang belum diluluskan
- iii. Pembinaan tangki septik

Sehubungan itu, permasalahan ini akan dipanjangkan kepada MBPJ memandangkan masalah-masalah yang dihadapi adalah dibawah bidang kuasa pihak majlis. Untuk makluman, pihak pemaju telah pun mengambil tindakan undang-undang terhadap MBPJ.

**Jessylina Mat Lazim**  
**Ketua Komunikasi Korporat**  
**b.p Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**